

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**SUNGAI WANG PLAZA KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN AIDS ANJURAN NCWO**  
**02 NOVEMBER 1991**

Yang Berhormat Dato' Lee Kim Sai Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Encik Mohd Farid bin Ariffin Timbalan Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail Timbalan Menteri Pengangkutan merangkap Yang Di Pertua Majlis Pertubuhan-pertubuhan Wanita Kebangsaan (NCWO) Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur kerana mengundang saya merasmikan majlis ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada NCWO dan ahli-ahli gabungannya yang telah mengambil inisiatif menganjurkan kempen kesedaran AIDS yang amat bersesuaian dan tepat pada masanya. Saya berasa gembira kerana sekali lagi NCWO menunjukkan kepekaannya terhadap masalah yang menimpa masyarakat dan tidak ketinggalan menyumbang kepada usahanya memerangi bahaya AIDS yang melanda dunia sekarang.

3. Saya difahamkan NCWO bukan sahaja melibatkan ahli-ahli gabungannya, tetapi juga firma-firma farmaseutikal dan syarikat-syarikat alat peralatan perubatan untuk turut menyumbang kepada kempen ini. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak swasta yang mengambil bahagian dan menyeru lain-lain syarikat supaya turut menyumbang.

4. AIDS merupakan satu ancaman yang serius yang membawa penderitaan dan kesan-kesan kehancuran kepada manusia sejagat. Sehingga kini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan kira-kira 300,000 kes AIDS dari lebih 150 buah negara di dunia ini. Namun data ini tidaklah begitu lengkap disebabkan masih banyak kes yang tidak dapat dikesan, tidak dilaporkan dan kelambatan melaporkan kes. Anggaran yang lebih munasabah oleh WHO ialah lebih daripada 1.3 juta kes terjadi di seluruh dunia. Pada masa ini kira-kira 8 hingga 10 juta orang sedang dijangkiti virus AIDS. Menjelang tahun 2000, dianggarkan kira-kira 25 hingga 30 juta manusia akan dijangkiti oleh virus AIDS.

Para hadirin sekalian,

5. Sepertimana penagihan dadah berpunca pada tahun 1967 dari rock concert di Woodstock, Amerika Syarikat di mana beribu-ribu muda-mudi bebas menghisap dadah sambil menonton, begitu juga puncanya penyakit, yang dinamakan sekarang AIDS berlaku di Amerika Syarikat.

6. Meraikan kejayaan "Liberation Movement", hak gays and lesbians hidup bebas di Amerika Syarikat, golongan ini dijemput berhijrah ke San Francisco dari merata pelusuk Amerika Syarikat. Segala kemudahan untuk hidup bebas dan untuk mengamalkan perbuatan dan kelakuan mereka disediakan oleh Persatuan-persatuan dan pergerakan bebas ini. San Francisco pada tahun 1970 telah menjadi "the gay capital of the USA dan doubtless also of the World".

7. Kebanyakan American gays dan lesbians mengambil kesempatan hidup bebas dengan sederhana tetapi sebilangan kecil kumpulan ini yang muda telah mengambil peluang melepaskan nafsu muda mereka dan mencuba-cuba tanpa batasan ingga dianggap perbuatan liar mereka ini suatu kejadian yang tidak pernah masyarakat manusia menempuhi dahulu.

8. Tidak berapa lama selepas itu kesan-kesan buruk pergerakan kebebasan ini menjadi kenyataan dalam statistik-statistik kesihatan di mana di dapati bilangan pesakit-pesakit sifilis dan genoria, hepatitis dan penyakit usus meningkat antara gays di San Francisco. Hetero-sexuals tidak dikecualikan kerana pada tahun 1971-1976, bilangan kes genoria didapati meningkat dua kali ganda. Setiap tahun Amerika Syarikat telah membelanjakan \$50 juta di Hospital-hospital Psychiatric khas untuk rawatan mangsa-mangsa daripada komplikasi-komplikasi penyakit ini.

9. Pada awal tahun 1981 terdapat 5 pesakit yang datang ke hospital di Amerika Syarikat dengan demam, kehilangan berat badan yang melampau dan cirit-birit yang tidak terkawal. Kesemua mereka juga berpenyakit paru-paru (pneumocystis pneumonia) tetapi yang aneh sekali ialah kesemua mereka ini adalah gays yang muda dan jika penyakit mereka tidak dikesan dan dirawat awal, akan menempuhi maut. Mereka inilah kumpulan pesakit yang pertama yang mengentarkan seluruh Amerika Syarikat dan dunia dengan timbulnya sejenis penyakit yang telah sekarang dikesan kuman virus dan sebabnya tetapi hingga kini belum lagi didapati ubatnya yang berkesan.

10. Inilah AIDS. Pada awalnya terdapat di antara golongan homosexual sahaja tetapi sekarang merebak kepada heterosexuals. Yang mendukacitakan ialah golongan wanita dan bayi yang tidak berdosa juga terlibat dengan penyakit AIDS melalui suami/lelaki yang tidak bertanggungjawab.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Adalah dianggarkan kira-kira 3 juta wanita mengidap penyakit ini dan lebih kurang 30% daripada wanita-wanita tersebut akan menjangkitkannya kepada bayi mereka yang baru dilahirkan.

12. Banyak kematian di kalangan bayi dan kanak-kanak akan berlaku pada tahun-tahun 90an. Di negara kita, seorang bayi telahpun mati kerana AIDS. Lebih kurang setengah daripada mangsa-mangsa jangkitan HIV akan menghidapi AIDS dalam tempoh 10 tahun dan sejumlah besar daripada baki tersebut akan menghidapi penyakit tersebut akhirnya, melainkan ubat yang lebih berkesan dapat ditemui. Di samping itu, WHO

juga bimbang kerana menjelang tahun 1992, lebih kurang 10 juta kanak-kanak yang tidak dijangkiti, kebanyakannya di kawasan Sahara Afrika, akan menjadi yatim-piatu. 13. Di Malaysia, kes AIDS yang pertama dikesan pada tahun 1986. Semenjak itu sehingga 23 Oktober tahun ini, 32 kes AIDS telah dikesan dan 27 orang sudahpun meninggal dunia. Di samping itu 2,036 orang dikesan sebagai pembawa HIV dan 80% di antara mereka ialah di antara umur 21 - 35 tahun, kebanyakannya di antara umur 26 - 30 tahun. Melihat kepada lingkungan umur yang terlibat, tenaga kerja negara akan terjejas dan memberi kesan sosio-ekonomi yang sangat buruk.

14. Bagi Malaysia, keadaan ini semakin runcing kerana kaitan AIDS dengan penagihan dadah. Ini adalah kerana lebih 80% daripada pembawa HIV ialah penagih dadah dan penyakit mereka ini menular melalui pengkongsian jarum suntikan. Sekarang ini terdapat 70,000 penagih dadah di negara ini dan saya khuatir kita sedang duduk di atas satu AIDS "time bomb" jika langkah membendung kedua-dua masalah ini tidak diselaraskan. Oleh itu, di samping menyebarkan kesedaran mengenai AIDS kita perlu menumpu perhatian kepada usaha memerangi ketagihan dadah. Saya menyeru pertubuhan-pertubuhan wanita menggandingkan kedua kempen mencegah AIDS dan ketagihan dadah.

15. Angka-angka yang diberikan di sini bukanlah untuk menakutkan kita semua atau untuk menyampaikan rasa pesimis tentang keadaan AIDS sedunia tetapi adalah untuk menarik perhatian kita kepada realiti sebenar AIDS yang membimbangkan itu, yang terpaksa kita hadapi pada masa hadapan. Walaupun penyakit ini tidak boleh diubati namun ianya masih boleh dicegah. Mesej "mencegah lebih baik daripada mengubat" ini perlu diterima oleh setiap orang. Selagi kejahilan dan sikap tidak peduli mengenai penyakit ini masih ada di kalangan masyarakat, pencegahan dan kawalan AIDS akan terus menjadi masalah kesihatan yang besar pada masa ini dan masa depan. Saya nasihatkan semua orang mendapatkan maklumat yang betul mengenai AIDS dan cara-cara untuk mencegahnya sebagai satu komitmen individu dalam kempen pencegahan AIDS.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Dari segi kerajaan, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah untuk mencegah dan mengawal AIDS daripada merebak di Malaysia. Ini termasuklah berkerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan mengemblengkan tenaga mereka dalam kegiatan membanteras AIDS.

17. Ini berasaskan kesedaran bahawa langkah kerajaan sahaja tidak akan berjaya jika pertubuhan-pertubuhan sukarela bukan kerajaan tidak digemblengkan dalam usaha pencegahan dan kawalan ini. Oleh yang demikian kerajaan telah menggalakkan penubuhan National Council of NGO's on AIDS yang turut dianggotai juga oleh NCWO.

18. AIDS adalah satu penyakit yang berkaitan dengan cara hidup. Ia berkaitan dengan sex, pelacuran, dadah dan tambahan darah. Tindakan yang teliti telahpun

diambil oleh Kerajaan untuk mencegah darah-darah yang berkuman AIDS digunakan. Tetapi faktor cara hidup yang melibatkan nafsu terhadap sex dan dadah adalah tanggungjawab individu itu sendiri. Ahli-ahli masyarakat perlu menyedari bahawa AIDS telah pada suatu ketika dianggap di Barat sebagai akibat "kemurkaan Tuhan" - "the wrath of God." Perbuatan-perbuatan yang dikeji sememangnya dikutuk oleh Tuhan. Manusia dikurniakan dengan otak yang membolehkan kita timbangkan dan asingkan perkara-perkara dan perbuatan-perbuatan yang buruk daripada yang baik. Kita telah diberi pilihan hidup sehat dan berusia panjang. Mustahillah sekira pilihan ke arah hidup positif dapat dimusnahkan dengan pengaruh nafsu yang liar sungguhpun untuk sekejap sahaja.

19. Tanda-tanda AIDS tidak dapat dikesan dengan cepat. Masa yang dikatakan "window period" di mana kuman virus diperam dalam darah seseorang pesakit mengambil masa antara 3 minggu hingga 6 bulan. Oleh itu seseorang yang melancong ke Utara atau ke tempat-tempat lain untuk mencari keseronokan tidak akan membawa gejala AIDS sehingga beberapa tahun kemudian. Sementara itu darahnya telah berkuman dan ia boleh menjangkitkan orang lain baik teman wanitanya yang lain ataupun isterinya sendiri. Dengan cara ini AIDS merebak dengan senyap dan terlalu bahaya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Saya difahamkan bahawa kempen yang sama akan dilancarkan oleh cawangan dan pertubuhan gabungan NCWO di peringkat negeri dan daerah. Saya harap semua wanita akan menghayati ikrar wanita mengenai AIDS dan menjalankan kempen kesedaran ini bukan sahaja di peringkat pertubuhan masing-masing, tetapi juga akan terus berkempen di peringkat individu dan menyebarkan maklumat mengenai bahaya AIDS kepada kaum keluarga, sanak saudara dan jiran tetangga.

21. Tidak ada lagi masa untuk kita berdiam diri. Kesihatan kita dan keluarga dan generasi kita akan datang sekarang terancam. Kita perlu jalankan kempen mencegah AIDS dengan secara agresif dan terus terang kerana dengan secara ini sahaja akan masyarakat, keluarga dan individu sedar bahawa AIDS ini benar-benar hasil kemurkaan Tuhan. Jauhilah DADAH, jauhilah AIDS.

Tuan-tuan dan puan-puan,

22. Adalah diharapkan kempen kesedaran ini akan menghasilkan kesan yang baik. Dengan lafaz Bismillahi Rahmanir Rahim, saya dengan rasminya melancarkan Kempen Kesedaran AIDS anjuran NCWO.